KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17.08.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	JMG			

LOMBONG EMAS HARAM HUTAN SIMPAN ULU JELAI

Pahang sedia ambil tindakan tegas

Kuantan: Kerajaan negeri sentiasa berusaha memastikan kelestarian alam sekitar tidak terus digugat dengan pelbagai aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, usaha menyekat aktiviti yang menjejaskan alam sekitar akan terus dilakukan oleh agensi penguat kuasa di semua peringkat.

Menurutnya, kegiatan melombong emas tanpa lesen, misalnya bukan sahaja menyebabkan berlakunya kejadian hakisan dan pencemaran sumber air, tetapi turut menyebabkan kerugian hasil cukai yang sepatutnya kerajaan negeri terima.

"Tindakan tegas perlu terus diambil terhadap pihak yang terbabit dengan aktiviti yang mengundang kepada pencemaran serta kemusnahan alam sekitar, perbuatan mereka menimbulkan masalah pada banyak pihak.

> "Agensi penguat kuasa di semua peringkat perlu lebih peka"
> Wan Rosdy

"Justeru, agensi penguat kuasa di semua peringkat perlu lebih peka dan aktif menyekat kegiatan yang menyalahi undang-undang," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas laporan kegiatan melombong emas secara haram di Hutan Simpan Ulu Jelai, Lipis yang disiarkan akhbar ini, semalam.

Laporan berkenaan menyiarkan kejayaan serbuan yang dilakukan Unit Penguatkuasa Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Zon Barat dan Unit Tindakan Khas (UTK) Pejabat Hutan Daerah (PHD) Lipis bersama Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) kelmarin.

Operasi berkenaan membawa kepada penemuan kawasan melombong emas seluas kira-kira dua hektar yang menggunakan kaedah lapan kolam air termasuk dua kolam mengandungi bahan kimia bagi mendapatkan emas, cara berkenaan dikatakan lebih memberi hasil lumayan.

Bagaimanapun, usaha menahan warga asing yang melakukan kegiatan itu gagal kerana mereka terlebih dahulu mengesan kehadiran pihak penguat kuasa.

Wan Rosdy memuji kesungguhan JPNP yang sentiasa berusaha membanteras aktiviti melombong emas tanpa lesen terutama dalam kawasan hutan simpan di negeri ini, khususnya di tiga daerah, Rompin, Raub dan Lipis, yang terbukti kaya dengan galian berharga itu.

Katanya, Muadzam Shah, Lipis dan Raub perlu buminya dianugerahkan dengan emas sejak dahulu lagi, faktor berkenaan mendorong pihak tidak bertanggungjawab menceroboh hutan semata-mata untuk melombong emas.

"Saya berharap JPNP dapat terus mempergiatkan usaha menyekat kegiatan melombong emas tanpa lesen bagi menjaga alam sekitar seterusnya mengelak kerajaan kehilangan hasil setiap tahun.

"Kerjasama antara agensi kerajaan lain termasuk dengan UPNP perlu dipertingkatkan dalam memudahkan usaha mengesan aktiviti yang menyalahi undang-undang yang berlaku dalam hutan simpan dan tanah kerajaan," katanya.



LAPORAN Harian Metro, semalam